



# **PELAWAAN TUNJUK MINAT**

*Expression of Interest (EOI)*

**bagi**

## **PERKHIDMATAN BIMBINGAN PENINGKATAN KEUPAYAAN PERNIAGAAN DI BAWAH PROGRAM GROWBIZ 2023**



## 1. LATAR BELAKANG DAN TUJUAN

- Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (SME Corp. Malaysia) merupakan agensi penyelaras pusat di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) yang menyelaras pelaksanaan program pembangunan bagi Perusahaan Mikro Kecil dan Sederhana (PMKS) merentasi kesemua Kementerian dan Agensi yang berkaitan. Ia bertindak sebagai pusat rujukan bagi penyelidikan dan penyebaran data berkaitan PMKS dan usahawan, serta menyediakan khidmat nasihat untuk PMKS dan usahawan di seluruh negara.
- Program GrowBiz ini merupakan salah satu inisiatif di bawah Program Pembangunan Perniagaan Usahawan Mikro (BizME) khusus untuk meningkatkan pengetahuan dan memberi bimbingan kepada usahawan dalam menaiktaraf perniagaan mereka daripada syarikat bersaiz mikro kepada kecil di samping meningkatkan kecekapan perniagaan dan produktiviti. Program GrowBiz menggunakan pendekatan *hand holding* ke atas perusahaan mikro (ME) yang merangkumi elemen latihan, *coaching* dan pemantauan untuk membimbing perusahaan mikro meningkatkan perniagaan mereka ke tahap seterusnya.
- Program GrowBiz akan dilaksanakan oleh firma yang dilantik oleh SME Corp. Malaysia dan akan dikenali sebagai Rakan Pelaksana (RP) / *Implementation Partner (IP)*. Program GrowBiz mula dilaksanakan pada tahun 2021/22 dan Program GrowBiz 2023 ini merupakan kumpulan kedua pelaksanaan Program ini.
- Tujuan Pelawaan Tunjuk Minat ini dikeluarkan adalah bagi mempelawa syarikat perundingan dan bimbingan (*coaching*) perniagaan yang memenuhi kriteria kelayakan yang ditetapkan untuk memohon sebagai Rakan Pelaksana (RP) / *Implementation Partner (IP)* Program GrowBiz 2023 dengan mengemukakan **kertas cadangan perancangan pelaksanaan Program GrowBiz 2023** berdasarkan skop yang telah ditetapkan oleh SME Corp. Malaysia beserta **garis masa pelaksanaan** dan **profil pasukan pelaksana program**.

## 2. SKOP PELAKSANAAN PROGRAM GROWBIZ 2023

### i. **Pelaksanaan 10 modul kursus**

- RP melaksanakan 10 modul kursus Program GrowBiz 2023 yang merangkumi:
  - Modul #1: Transformasi Kendiri
  - Modul #2: Kembara Keusahawanan
  - Modul #3: Komunikasi Perniagaan
  - Modul #4: Pengurusan Operasi
  - Modul #5: Pemasaran & Penjenamaan
  - Modul #6: Pengurusan Sumber & Kewangan

- Modul #7: Pematuhan & Perundangan Perniagaan
  - Modul #8: Transformasi Teknologi & Digitalisasi
  - Modul #9: Pengurusan Perhubungan Pelanggan
  - Modul #10: Model & Sistem Perniagaan
- RP boleh mencadangkan penambahbaikan atau lain-lain modul yang bersesuaian dengan perundangan dan kelulusan SME Corp. Malaysia.
  - Program GrowBiz 2023 boleh dilaksanakan menggunakan samada Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris.

## ii. Peserta

- Program ini mensasarkan perusahaan mikro (ME) dengan jualan tahunan sekurang-kurangnya RM200,000 dengan keutamaan diberikan kepada perniagaan yang telah mencapai jualan tahunan sekurang-kurangnya RM250,000.
- RP bertanggungjawab dalam mendapatkan penyertaan peserta di kalangan ME yang memenuhi kriteria peserta yang disasarkan serta mendapat pengesahan SME Corp. Malaysia.
- RP digalakkan untuk menjalankan sesi temuduga dalam proses pemilihan peserta.
- Sekurang-kurangnya 100 orang peserta di kalangan ME dari seluruh negara, pelbagai kaum dan sektor industri termasuk sekurang-kurangnya 30 ME milikan wanita dan 15 ME milikan belia.
- Peserta akan dikenakan bayaran sebanyak 30% daripada yuran pakej program beserta caj pendaftaran Status PMKS dan penarafan SCORE.

## iii. Latihan

- Latihan dijalankan berdasarkan 10 modul kursus sedia ada.
- Tambahan modul boleh dikemukakan namun perlu mendapat kelulusan dari SME Corp. Malaysia.
- RP mengendalikan sesi latihan mengikut skop yang ditetapkan dengan kaedah penyampaian yang bersesuaian sama ada secara maya, bersemuka atau secara *hybrid* bergantung kepada situasi semasa.
- RP perlu mempunyai keupayaan menyampaikan latihan dalam kedua-dua Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris, mengikut kesesuaian peserta.
- RP perlu menyediakan laporan pelaksanaan program termasuk analisis data dan penilaian peserta terhadap sesi latihan dan bimbingan.
- Sesi latihan turut dihadiri Urus Setia dari SME Corp. Malaysia.

## iv. *Bimbingan (Coaching)* perniagaan

- Sesi *coaching* dikendalikan secara individu dan / atau berkumpulan bagi membimbing para peserta mengenalpasti keperluan dan strategi dalam meningkatkan keupayaan (*scale-up*) serta mengembangkan perniagaan mereka.
- Sesi *coaching* turut dihadiri Urus Setia dari SME Corp. Malaysia mengikut kesesuaian.

## v. Pemantauan

- Pemantauan perlu dijalankan ke atas peserta dan laporan pencapaian peserta perlu disediakan dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh sesi latihan bermula dan enam (6) bulan selepas tamat program bagi penilaian impak (*impact assessment*) syarikat yang menyertai Program GrowBiz.

- Sekurang-kurangnya 15 syarikat yang berpotensi tinggi dan menunjukkan peningkatan prestasi perlu dikenalpasti untuk dijadikan sebagai 'success story' program ini dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh sesi latihan bermula.

**vi. Pendaftaran Status PMKS**

- Memastikan peserta membuat Pendaftaran Status PMKS bagi mengesahkan sesuatu syarikat / perniagaan adalah perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS).
- RP perlu memungut caj pendaftaran Status PMKS daripada peserta dan memindahkan pungutan tersebut ke akaun SME Corp. Malaysia dalam tempoh pelaksanaan Program GrowBiz.

**vii. Penarafan perniagaan**

- Penarafan perniagaan menggunakan model SCORE yang dibangunkan oleh SME Corp. Malaysia untuk menilai prestasi semasa syarikat.
- RP bertanggungjawab dalam menguruskan proses permohonan dan dokumentasi penarafan SCORE syarikat peserta dalam tempoh pelaksanaan Program GrowBiz 2023.
- RP perlu memungut caj penarafan SCORE daripada peserta dan memindahkan pungutan tersebut ke akaun SME Corp. Malaysia dalam tempoh pelaksanaan Program GrowBiz.

**viii. Lawatan premis**

- RP perlu membuat lawatan ke atas semua premis peserta Program GrowBiz 2023.
- RP perlu mencadangkan sesi lawatan ke beberapa premis peserta bersama-sama pegawai SME Corp. Malaysia mengikut keperluan.

**ix. Sesi Kick-off Program GrowBiz 2023 & Santai Interaktif bersama Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp. Malaysia dan Majlis Graduasi & Pembentangan Impak Program GrowBiz 2023**

- Penganjuran Sesi *Kick-off* Program GrowBiz 2023 & Santai Interaktif bersama Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp. Malaysia semasa program bermula dan Majlis Graduasi & Pembentangan Impak Program GrowBiz 2023 semasa program tamat.
- Tempoh pelaksanaan projek adalah selama **9 bulan** merangkumi **proses pemilihan peserta, pelaksanaan latihan, coaching** dan **pemantauan** serta **penyediaan laporan akhir**.
- SME Corp. Malaysia berhasrat untuk melantik syarikat yang berkelayakan sebagai Rakan Pelaksana (RP) / *Implementation Partner* (IP) untuk menjalankan Program GrowBiz 2023 berdasarkan terma dan garis panduan yang ditetapkan oleh SME Corp. Malaysia.
- Pembiayaan bagi kos pelaksanaan Program GowBiz 2023 oleh RP tertakluk kepada perkhidmatan yang ditawarkan berdasarkan skop pelaksanaan Program GrowBiz 2023.
- 70% daripada kos pakej Program GrowBiz 2023 akan dibiayai oleh SME Corp. Malaysia manakala baki 30% akan dibiayai sendiri oleh peserta.

## **KRITERIA PESERTA PROGRAM GROWBIZ 2023 YANG DISASARKAN**

Disasarkan sekurang-kurangnya 100 peserta di kalangan perusahaan mikro (ME) dari seluruh negara, pelbagai kaum dan sektor industri termasuk sekurang-kurangnya 30 ME milikan wanita dan 15 ME milikan belia akan menyertai Program GrowBiz 2023 dengan kriteria berikut:

1. Perusahaan Mikro dengan jualan tahunan sekurang-kurangnya RM200,000 dengan keutamaan diberikan kepada perniagaan yang telah mencapai jualan tahunan sekurang-kurangnya RM250,000.
2. Perusahaan Mikro yang berdaftar dengan Akta Syarikat 1965 atau 2016 / Pendaftaran Perniagaan (1956) / Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 / Perniagaan, Profesion & Perlesenan Perdagangan Ordinan (HANYA untuk Sabah dan Sarawak) / berdaftar dengan mana-mana badan profesional yang diiktiraf oleh undang-undang.
3. Sekurang-kurangnya 60% ekuiti milikan warganegara Malaysia.
4. Beroperasi di premis perniagaan yang sah dan mempunyai Lesen Perniagaan daripada Pihak Berkuasa Tempatan.
5. Syarikat dapat mengemukakan Penyata Kewangan Diaudit / Akaun Pengurusan sekurang-kurangnya satu (1) tahun (terkini).
6. Keutamaan akan diberikan kepada syarikat yang memperoleh sekurang-kurangnya Tahap 3 dalam penarafan MSCORE atau 1 Bintang dalam penarafan SCORE.
7. Perusahaan mikro yang terlibat dalam industri berimpak tinggi seperti berikut adalah digalakkan untuk memohon:
  - i. Pertanian pintar
  - ii. Aeroangkasa
  - iii. Elektrik dan elektronik
  - iv. Peranti perubatan
  - v. Industri Halal
  - vi. Pelancongan
  - vii. Minyak & gas
  - viii. Biojisim / Bioteknologi
  - ix. Kesihatan & gaya hidup

### **Nota:**

Peserta daripada perusahaan mikro yang pernah menyertai Program GrowBiz terdahulu tidak layak untuk menyertai Program GrowBiz 2023.

## **KRITERIA PELANTIKAN RAKAN PELAKSANA (RP) / IMPLEMENTATION PARTNER (IP)**

- A. Syarikat yang dilantik sebagai RP mesti memenuhi kriteria berikut:
  1. Terbuka kepada syarikat yang berpengalaman dalam perundingan dan bimbingan (*coaching*) bagi peningkatan keupayaan (*scale-up*) perniagaan.

2. Perniagaan berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia di bawah Akta Syarikat 1965 atau 2016 & beroperasi di premis perniagaan dan mempunyai lesen perniagaan yang sah dari Pihak Berkuasa Tempatan.
3. Sekurang-kurangnya 60% ekuiti dimiliki warganegara Malaysia.
4. Mempunyai sekurang-kurangnya lima (5) tahun pengalaman dalam bidang berkaitan.
5. Mengemukakan Penyata Kewangan Diaudit terkini sekurang-kurangnya satu (1) tahun.
6. Memiliki keupayaan kewangan.
7. Pengesahan Status PMKS sekiranya di bawah kategori perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS).

B. Tugas dan tanggungjawab RP:

1. Melaksanakan 10 modul kursus Program GrowBiz. RP boleh mencadangkan penambahbaikan atau lain-lain modul yang bersesuaian dengan perundingan dan kelulusan SME Corp. Malaysia.
2. Mengendalikan sesi latihan mengikut skop yang ditetapkan dengan kaedah penyampaian yang bersesuaian sama ada secara maya, bersemuka atau secara *hybrid*, bergantung kepada situasi semasa. Latihan boleh dilaksanakan menggunakan Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris. Sesi latihan turut dihadiri Urus Setia dari SME Corp. Malaysia.
3. Mengendalikan sesi *coaching* secara individu dan / atau berkumpulan bagi membimbing para peserta mengenalpasti keperluan dan strategi dalam meningkatkan keupayaan (*scale up*) serta mengembangkan perniagaan mereka. Sesi *coaching* turut dihadiri Urus Setia dari SME Corp. Malaysia mengikut kesesuaian.
4. Mendapatkan sekurang-kurangnya 100 orang peserta di kalangan ME dari seluruh negara, pelbagai kaum dan sektor industri yang memenuhi kriteria kelayakan termasuk sekurang-kurangnya 30 ME milikan wanita (30%) dan 15 ME milikan belia (15%). RP digalakkan untuk menjalankan sesi temuduga dalam proses pemilihan peserta.
5. Menguruskan proses permohonan dan dokumentasi pendaftaran Status PMKS syarikat peserta bagi mengesahkan sesuatu syarikat / perniagaan adalah PMKS.
6. Menguruskan proses permohonan dan dokumentasi penarafan SCORE syarikat peserta untuk menilai prestasi semasa syarikat.
7. Memungut caj pendaftaran Status PMKS dan caj penarafan SCORE daripada peserta serta memindahkan pungutan tersebut ke akaun SME Corp. Malaysia dalam tempoh pelaksanaan Program GrowBiz.
8. Menyediakan laporan pelaksanaan program secara berkala termasuk analisis data dan penilaian peserta terhadap sesi latihan dan bimbingan bagi tujuan tuntutan pembayaran.
9. Membuat pemantauan ke atas peserta dan mengemukakan laporan pencapaian peserta kepada SME Corp. Malaysia dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh sesi latihan bermula dan enam (6) bulan selepas tamat program bagi penilaian impak (*impact assessment*) syarikat yang menyertai Program GrowBiz.

10. Mengenalpasti sekurang-kurangnya 15 syarikat yang berpotensi tinggi dan menunjukkan peningkatan prestasi untuk dijadikan sebagai 'success story' program ini dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh sesi latihan bermula.
11. Membuat lawatan ke atas semua premis peserta Program GrowBiz 2023. RP juga perlu mencadangkan sesi lawatan ke beberapa premis peserta bersama-sama pegawai SME Corp. Malaysia mengikut keperluan.
12. Bersedia dan bersikap terbuka untuk bekerjasama dengan agensi-agensi yang telah dikenalpasti sebagai nilai tambah bagi modul kursus dan latihan yang ditawarkan kepada peserta sekiranya perlu.
13. Melantik Pengurus Projek yang khusus bagi menguruskan hal-hal berkaitan pentadbiran Program GrowBiz 2023.
14. Sentiasa berkomunikasi dengan Urus Setia Program GrowBiz secara konsisten dan memberi maklumbalas segera sekiranya ada maklumat atau perkara yang diperlukan daripada RP.
15. Menyediakan bahan promosi dan menjalankan aktiviti-aktiviti promosi bagi menjayakan program ini.
  - Bahan-bahan promosi yang diterbitkan hendaklah mendapat kelulusan SME Corp. Malaysia terlebih dahulu.
  - Logo korporat Program GrowBiz hanya untuk digunapakai secara eksklusif bagi program ini sahaja.
  - Penggunaan logo SME Corp. Malaysia hanya dibenarkan di bahan-bahan promosi berkaitan latihan yang diluluskan SME Corp. Malaysia sahaja. RP tidak dibenarkan untuk mencetak logo SME Corp. Malaysia di kad perniagaan atau bahan promosi latihan yang lain untuk mengelakkan salah faham di kalangan masyarakat.
16. Menyediakan video perjalanan Program GrowBiz 2023 dan video kisah kejayaan peserta.
17. Menganjurkan Sesi *Kick-off* Program GrowBiz 2023 & Santai Interaktif bersama Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp. Malaysia dan Majlis Graduasi & Pembentangan Impak Program GrowBiz 2023. RP perlu mencadangkan lokasi dan konsep penganjuran acara serta menguruskan penganjuran acara seperti menyediakan jamuan, *backdrop*, sistem audio visual, pengacara majlis dan lain-lain perkara yang berkaitan.

### 3. **PELAWAAN**

- Pelawaan dibuka kepada syarikat perundingan dan bimbingan (*coaching*) perniagaan yang berminat dan memenuhi kelayakan sebagai Rakan Pelaksana (RP) / *Implementation Partner* (IP) Program GrowBiz 2023.
- Syarikat perlu mengemukakan kertas cadangan perancangan pelaksanaan program berdasarkan skop pelaksanaan yang telah ditetapkan oleh SME Corp. Malaysia beserta garis masa pelaksanaan dan profil pasukan pelaksana program. Tempoh projek adalah selama 9 bulan merangkumi proses pemilihan peserta dan pelaksanaan latihan, *coaching* serta pemantauan.

- Syarikat yang ingin memohon sebagai RP Program GrowBiz 2023 adalah dikehendaki untuk:
  - i. menghadiri Sesi Taklimat Program GrowBiz 2023
  - ii. mengemukakan borang permohonan dan cadangan projek berdasarkan skop pelaksanaan Program GrowBiz 2023
- Hanya cadangan projek pelaksanaan Program GrowBiz 2023 daripada syarikat yang telah hadir ke Sesi Taklimat sahaja yang akan diproses dan dinilai.

#### 4. **MAKLUMAT LANJUT / PENYERAHAN YANG BERKAITAN PELAWAAN TUNJUK MINAT (EXPRESSION OF INTEREST (EOI))**

- Penyerahan untuk menyatakan penerimaan Pelawaan Tunjuk Minat (*Expression of Interest* (EOI)) oleh syarikat yang berminat bermula dari **22 November sehingga 21 Disember 2022**.
- Sesi Taklimat Program GrowBiz 2023 akan diadakan di SME Corp. Malaysia pada **15 Disember 2022**. Sila isikan **borang pengesahan kehadiran** ke sesi tersebut di pautan berikut **selewat-lewatnya pada 12 Disember 2022**:

<http://tinyurl.com/RSVPSesiTaklimatProgramGrowBiz>

- Setelah menerima pengesahan kehadiran syarikat, Urus Setia akan menyenarai pendek dan menjemput pemohon untuk menghadiri Sesi Taklimat Program GrowBiz 2023.
- Setelah hadir ke Sesi Taklimat Program GrowBiz 2023, syarikat yang berminat menjadi RP perlu **mengemukakan borang permohonan** seperti di lampiran dan **cadangan projek Program GrowBiz 2023** menerusi surat atau e-mel kepada SME Corp. Malaysia di alamat berikut **selewat-lewatnya pada 21 Disember 2022**:

Urus Setia Program GrowBiz  
 Bahagian Pemantauan Dasar dan Pembangunan Inklusif  
 SME Corp. Malaysia  
 Aras 6, Blok C, Platinum Sentral  
 Jalan Stesen Sentral 2, Kuala Lumpur Sentral  
 50470 Kuala Lumpur  
 Infoline: 1 300 30 6000

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi 03-2775 6061 / 6174 atau [secretariatgrowbiz@smecorp.gov.my](mailto:secretariatgrowbiz@smecorp.gov.my)



SME Corp. Malaysia berhak memilih atau menolak sebarang penyerahan *EOI*. Syarikat dengan *EOI* yang berpotensi akan dipertimbangkan untuk ke peringkat seterusnya. Pemilihan akhir akan dibuat oleh Jawatankuasa Pemilihan SME Corp. Malaysia.

Terima kasih.

**Penafian:**

*Semua komitmen dan bantuan yang diberikan di bawah Program tersebut bergantung pada ketersediaan dana. SME Corp. Malaysia berhak untuk menghentikan atau menangguhkan Program, atau mengubah kandungan atau format Program, pada bila-bila masa tanpa pemberitahuan kepada siapa pun, dan meminta penghentian segera dari penggunaan tertentu dari Program. Di samping itu, kami berhak mengikut budi bicara mutlak kami untuk menangguhkan, menghentikan atau menyekat akses orang ramai ke Program pada bila-bila masa dan dengan alasan apa pun. SME Corp. Malaysia tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kehilangan atau kerosakan yang dialami oleh mana-mana Pihak yang menyertai Program ini.*

**AMARAN:** *Memberikan maklumat palsu atau mengelirukan untuk tujuan menipu SME Corp. Malaysia adalah jenayah di bawah Kanun Keseksaan yang hukumannya merangkumi penjara dan sebatan dan juga boleh dikenakan denda. Sebagai tambahan, SME Corp. Malaysia boleh menolak sebarang faedah, ganjaran atau bantuan jika maklumat palsu dikemukakan.*

**AMARAN:** *Terdapat pihak-pihak tidak bertanggungjawab yang mengaku sebagai juruperunding atau ejen bagi pihak SME Corp. Malaysia untuk pelaksanaan semua Program Pembangunan PKS. SME Corp. Malaysia TIDAK pernah melantik juruperunding atau ejen serta TIDAK mengenakan sebarang caj perkhidmatan bagi mana-mana program ini dan dakwaan tersebut merupakan satu kesalahan serius. Sekiranya anda mempunyai sebarang masalah atau pertanyaan sila hubungi Talian Info (1-300-30-6000).*